



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)

### PERMOHONAN PROGRAM REZEKI TERNAK RUMINAN TAHUN 2022

Program Rezeki Ternak Ruminan dibangunkan bertujuan membantu penternak bagi mengekalkan sumbangan mereka dalam bidang penternakan disamping menasaskan peningkatan pendapatan bagi golongan penternak kecil. Skop bantuan adalah dalam bentuk bantuan induk ternakan ruminan (lembu, kambing, bebiri & kambing tenusu - dengan konsep geran padanan 10:90), dan bantuan input penternakan, peralatan dan pembaikan kandang/ reban,

Permohonan terbuka kepada semua penternak kecil ruminan yang mempunyai kriteria seperti berikut:

Pemohon hendaklah:

1. Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 55 tahun pada 1 Januari tahun permohonan;
2. Perternak kecil sedia ada yang berdaftar dengan e-vetpermit, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia;
3. Mempunyai modal tunai sekurang-kurangnya 10% dari nilai perolehan induk ternakan (bagi geran padanan 10:90 bantuan induk ternakan ruminan);
4. Mempunyai pengalaman menternak sekurang-kurangnya satu tahun dan masih aktif beroperasi;
5. Mempunyai kawasan menternak yang sah dan kemudahan yang sesuai;
6. Pemohon tidak menerima bantuan yang sama dari agensi/ jabatan lain; dan
7. Pemohon berupaya untuk melaksana dan mengurus projek.

Pemohonan boleh dibuat menggunakan borang permohonan Program Rezeki Ternak yang boleh dicapai melalui QR Code yang disertakan dibawah. Permohonan ini pada asalnya dibuka bermula **1 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021 tetapi dilanjutkan sehingga 14 Januari 2022** ekoran kekangan bencana banjir yang berlaku. Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar/ Pusat Operasi VetEC berhampiran.



**Maklumat Lanjut Sila Hubungi:**  
**03-88702406 / 03-88702421**  
**[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)**